

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

TARIKH SOALAN : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian dalam memastikan sektor industri halal Malaysia menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah menyumbang sebanyak 38.3% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2018. Daripada peratusan tersebut, industri halal hanya menyumbang sebanyak 7.8%.
2. Kerajaan menasaskan sumbangan industri halal kepada KDNK negara untuk meningkat kepada 8.7% menjelang tahun 2020.
3. Bagi mencapai sasaran tersebut, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) akan melaksanakan strategi jangka pendek dan jangka panjang di bawah Teras Strategik ke-5, Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030) iaitu Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Strategi tersebut bersesuaian dengan peranan baharu MED yang telah dipertanggungjawabkan mengetuai Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal yang baharu ditubuhkan di bawah Majlis Pembangunan Industri Halal.
4. Strategi yang telah dirancang oleh MED di bawah Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal adalah seperti berikut:
 - i- Membudaya Halal sebagai satu jenama yang dihubung kait dengan kualiti dan keyakinan. Ini menggalakkan lebih banyak PKS mendapatkan pensijilan halal bagi mendapatkan kepercayaan pengguna terhadap produk dan secara langsung dapat meningkatkan prestasi jualan;
 - ii- Menyedia sokongan pembiayaan kewangan sebagai *enabler* industri bagi meningkatkan keupayaan dalam perniagaan PKS. Dalam hal ini, MED telah mengadakan kerjasama dengan Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) yang menyediakan dana pinjaman sebanyak RM20 bilion untuk syarikat PKS yang layak;

NO. SOALAN: 8

- iii- Memantap kapasiti keusahawanan dalam rangkaian bekalan halal bagi memastikan setiap proses dalam rangkaian tersebut mempunyai keupayaan untuk lengkap melengkapi antara satu sama lain. Antara langkah yang sedang diusahakan MED ialah menghasilkan industri pembuatan gelatin halal pada skala besar di Malaysia dengan penglibatan sektor swasta. Ia bakal menjadi *game changer* kepada landskap industri halal di Malaysia khususnya dalam sektor makanan dan minuman (F&B), penjagaan kesihatan dan farmaseutikal;
- iv- Menggalakkan penggunaan teknologi dalam inovasi dan pembangunan produk bagi meningkatkan keupayaan industri halal tempatan. Pelaksanaan inisiatif ini melalui kolaborasi dengan pihak swasta dan institusi penyelidikan seperti SIRIM dan Universiti Awam mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan halal yang dapat bersaing secara kompetitif dengan negara pengeluar lain;
- v- Memantap keupayaan PKS menerusi sinergi inter agensi melalui perkongsian kepakaran dan sokongan infrastruktur untuk pembangunan industri halal dengan mengoptimumkan sumber sedia ada. Ini akan dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal dengan menyelaraskan sumber dan peranan agensi yang terlibat secara langsung dalam pembangunan industri halal seperti Institut Keusahawanan Negara (latihan keusahawanan), MATRADE (eksport produk) dan Majlis Rekabentuk Malaysia (pembangunan produk); dan
- vi- Meluaskan akses kepada pasaran secara berfokus melalui kolaborasi sektor awam dan swasta. Pada masa ini, fokus utama Kerajaan adalah menembusi pasaran halal di Jepun sempena penganjuran sukan Olimpik dan Paralimpik 2020. Ia bakal menjadi pintu masuk produk halal Malaysia ke Jepun menerusi kedatangan anggaran 8 juta orang pelancong Muslim sepanjang penganjuran acara sukan berlangsung. Sekian, terima kasih.